

Harakah minta Rektor UIAM letak jawatan satu penganiayaan

UM 16 MAY 2001

KUALA LUMPUR 15 Mei — Laporan lidah rasmi Pas, *Harakah*, yang meminta Rektor Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Prof. Dr. Kamal Hassan supaya meletakkan jawatan merupakan penganiayaan terhadap golongan intelektual.

Setiausaha Parlimen, Kementerian Penerangan, Senator Datuk Zainuddin Maidin berkata, sebagai parti yang mendakwa memperjuangkan Islam, Pas tidak sepatutnya membiarkan laporan itu disiarkan semata-mata kerana rektor berkenaan mengiktiraf Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad sebagai pengasas UIAM.

Beliau kesal kerana ketokohan Dr. Kamal Hassan sebagai seorang intelektual dan mempunyai pengetahuan yang luas terutamanya dari segi bahasa telah diperlekehkan oleh Pas.

“Sebagai sebuah parti Islam, Pas sepatutnya belajar supaya menghormati orang lain dan bukannya menganiaya para intelektual dengan meminta mereka meletakkan jawatan,” katanya ketika menggulung perbahasan usul terima kasih di atas

titah Diraja bagi pihak kementeriannya, pada sidang Dewan Negara, hari ini.

Terdahulu Senator Datuk Abdul Aziz Abdul Rahman ketika meminta penjelasan berkata, tohmahan paling besar terhadap Dr. Mahathir sekarang adalah cubaan menafikan bahawa penubuhan UIAM dicetuskan oleh beliau.

Zainuddin berkata, Dr. Mahathir pada satu ketika telah memanggil Dr. Kamal Hassan, Datuk Dr. Ismail Ibrahim (Ketua Pengarah IKIM) dan Tan Sri Dr. Sulaiman Daud yang bertindak sebagai Menteri Pendidikan.

Ketiga-tiga tokoh tersebut telah berbincang dengan Perdana Menteri dan merumuskan pelan pembangunan UIAM.

Oleh itu adalah tidak wajar jika Dr. Kamal diminta supaya meletakkan jawatan, katanya.

Menurut beliau, bermula semalam RTM telah menyiarkan laporan *Harakah* itu dan akan terus membongkar pembongkaran lidah rasmi Pas.